

18 OCT 2003

Adnan-Koperasi

ANGGOTA KOPERASI PERLU BERHENTI BURUK SANGKA PADA PENGURUSAN

TEMERLOH, 18 Okt (Bernama) -- Sikap buruk sangka kepada pihak pengurusan koperasi perlu dihentikan bagi memastikan sesuatu koperasi itu bergerak dengan lancar dan berjaya, kata Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob hari ini.

Menurut beliau, tindakan seumpama itu akan menimbulkan pelbagai masalah, termasuk perebutan kuasa di kalangan anggota koperasi yang akhirnya akan merugikan anggota sendiri.

Katanya, pengurusan koperasi di negeri ini perlu mengadakan pelbagai kursus termasuk kursus motivasi bagi memberi kesedaran kepada anggotanya sekaligus membantu perjalanan koperasi agar menjadi lebih lancar dan aktif.

Kursus seperti ini boleh diadakan dengan bimbingan para penceramah yang bertauliah yang mampu menimbulkan kesedaran kepada peserta, katanya semasa berucap merasmikan mesyuarat agung Koperasi Serbaguna Pahang Berhad (KOSMA) di Dewan Tun Razak, di sini hari ini.

Adnan berkata, sikap orang Melayu kadangkala amat sukar diubah, malah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri pernah menyatakan kekesalan kerana sukar mengubah mentaliti dan sikap orang Melayu di negara ini.

"Sering terjadi, mereka ini tak sabar, nak cepat untung. Bila diberikan saham, akan jualkan pula saham itu kerana nak cepat kaya. Kalau beginilah sikap dan perilaku mereka, tidak ada gunanya kaum bumiputera diberikan faedah seperti ini," katanya.

Sementara itu, beliau yang juga Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Negeri menyambut baik saranan Dr Mahathir supaya ahli politik veteran mengundurkan diri daripada bertanding pada pilihan raya umum akan datang, sebaliknya memberi ruang kepada pemimpin muda.

Katanya, sehingga kini UMNO negeri masih belum menerima sebarang persetujuan daripada pemimpin veteran untuk menarik diri daripada bertanding.

"Kita perlu fikirkan sendiri maksud veteran itu. Apakah maknanya daripada segi umur atau tempoh perkhidmatan yang lama. Kita akan menang, tetapi itu bergantung kepada calon yang dipilih oleh rakyat," katanya.

--BERNAMA

ZY SOP BK